



1.0 TAJUK PROJEK

KEPINGAN CAJ RAWATAN

2.0 PENGENALAN

Kepingan Caj Rawatan adalah satu kaedah yang dibangunkan bertujuan bagi memastikan segala maklumat mengenai rawatan terutamanya caj rawatan dan penggunaan ubat-ubatan adalah telus bagi mengelakkan berlakunya ketirisan pengurusan kewangan kerajaan / salah laku pegawai, memudahkan proses pengauditan serta perekodan penggunaan ubat-ubatan dan memberi keyakinan kepada pelanggan mengenai kualiti perkhidmatan jabatan.

3.0 LATAR BELAKANG PROJEK

Isu penggunaan ubat-ubatan yang digunakan dalam perkhidmatan seharian sama ada untuk kegunaan rawatan klinik mahupun lapangan tidak direkodkan dengan baik menyukarkan pihak jabatan dalam mengenalpasti penggunaan ubat-ubatan tersebut dan menyukarkan urusan pengauditan.

Penggunaan ubat-ubatan yang tidak direkodkan dengan teratur menyukarkan penyelarasan melaksanakan perolehan ubat-ubatan secara efisien yang akhirnya menyebabkan berlaku lambakan atau kekurangan (*shortage*) ubat-ubatan yang tidak digunakan yang akhirnya terpaksa dilupus akibat telah tamat tempoh. Hal ini merugikan pihak jabatan / kerajaan kerana berlakunya pembaziran.

Selain daripada itu, pemantauan sukar untuk dilaksanakan bagi memastikan pegawai yang menjalankan rawatan menggunakan ubat-ubatan yang betul serta dos yang digunakan adalah seperti yang disyorkan. Hal ini bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan adalah yang terbaik kepada pelanggan.

Integriti pegawai dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan secara telus juga perlu dititikberatkan agar tidak berlaku penyalahgunaan ubat-ubatan serta kuasa dan memastikan segala hasil kerajaan yang diperolehi tidak berlaku ketirisan dalam pengurusan kutipan hasil. Selain daripada itu, terdapat kekangan dalam menguruskan kutipan hasil di peringkat lapangan kerana tidak terikat dengan prosedur kewangan kerana melibatkan pungutan wang awam.

Masalah 'Bogus Vet' terutamanya yang melibatkan bekas kakitangan jabatan juga dapat diatasi agar ianya tidak mendatangkan masalah kepada pihak jabatan di masa hadapan kelak.

4.0 ISU / PERMASALAH PROJEK / SEBAB PROJEK DIJALANKAN

1. Kesukaran dalam melaksanakan kerja-kerja perekodan dan pengauditan penggunaan ubat-ubatan.
2. Tiada bukti rekod penggunaan ubat-ubatan semasa rawatan dibuat.
3. Kesukaran mengenalpasti tahap kompetensi pegawai dalam melaksanakan rawatan di peringkat klinik dan lapangan.
4. Mekanisma bagi mencegah salah laku pegawai dalam ketirisan pengurusan kewangan di peringkat klinik serta lapangan.
5. Teguran audit mengenai kaedah penerimaan wang awam di peringkat lapangan.
6. Mengelakkan masalah 'Bogus Vet' yang memberikan perkhidmatan kepada pelanggan / penternak jabatan di peringkat lapangan.
7. Kesukaran dalam melaksanakan penilaian mengenai masalah penyakit yang sering kali berlaku di peringkat lapangan yang memerlukan pihak jabatan merancang kaedah penambahbaikan dan pencegahan yang diperlukan.

5.0 MATLAMAT PROJEK

Mewujudkan satu kaedah kawalan dalam memastikan penggunaan ubat-ubatan di klinik dan lapangan adalah efisien serta tersusun serta mengelakkan salah laku pegawai dalam pengurusan kewangan kerajaan supaya lebih telus dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan jabatan.

6.0 INOVASI SEBELUM DAN SELEPAS PROJEK

6.1 SEBELUM PROJEK

Penggunaan kad rawatan bagi rawatan di klinik, buku log rawatan dan borang rawatan di peringkat lapangan.

6.2 SELEPAS PROJEK

Penggunaan Caj Kepingan Rawatan bersama kad rawatan bagi rawatan klinik serta buku log rawatan di lapangan. Tiga salinan dikemukakan iaitu Salinan Jabatan, Salinan Kaunter Bayaran / Resit Bayaran dan Salinan Pelanggan.

7.0 OUTPUT / OUTCOME / IMPAK PROJEK

1. Perekodan ubat-ubatan lebih tersusun yang memudahkan urusan pengauditan untuk dilaksanakan.
2. Pengurusan penggunaan ubat-ubatan lebih efisien dan memberi penjimatan kepada peruntukan kerajaan dalam urusan perolehan ubat-ubatan.
3. Menyokong hasrat kerajaan dalam meningkatkan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam perkhidmatan kerajaan sejajar dengan Pelan AntiRasuah Nasional (NACP) 2019-2023.
4. Penilaian tahap kompetensi pegawai dapat dinilai serta menyokong dasar pentadbiran kerajaan negeri agar perkhidmatan yang disampaikan kepada rakyat adalah 'Cekap, Akauntabiliti dan Telus'.
5. Mengatasi masalah "Bogus Vet" di peringkat lapangan dengan lebih berkesan dan memberi keyakinan mengenai mutu dan jaminan perkhidmatan kepada pelanggan jabatan.
6. Mewujudkan satu kaedah yang seragam bagi perolehan pungutan wang awam di peringkat lapangan.
7. Pihak jabatan dapat membuat penilaian berdasarkan rekod kes dan rawatan yang dilaksanakan di peringkat lapangan agar perancangan program dapat dilaksanakan bagi mencegah dan mengatasi masalah penyakit tersebut.

8.0 GAMBAR / ILUSTRASI BERKAITAN

8.1 SEBELUM PELAKSANAAN PROJEK

Kad Rawatan No. Rujukan **00899**

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG

Daerah _____ Nama Baitihon

Spesis _____ Alamat NO 113 Jalan Pengalan


Baka _____ kampung BOKE, 14000

Jantina _____ Baiti menapim

Tarikh Lahir _____ No. Telefon 012-334736
981038-07-1532

Tarikh	No Kes	Tanda klinikal dan diagnosa	Rawatan	Catatan	Caj Bayaran
3.6.19	2.14	Luka	Ditawar 8.2024 I VAI Amoxi Clavamox R000084	0-07 m 0-24 m	2 15 10 2 29

8.1.1 Penggunaan Kad Rawatan di Klinik
Bagi Kes Rawatan Haiwan Kesayangan.



8.1.2 Penggunaan Buku Log Rawatan
Kes Rawatan di Lapangan

8.2 SELEPAS PELAKSANAAN PROJEK

CPP NO : 003156

Kepingan Caj Rawatan 00407
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang

Nama Pelanggan : Abdullah
 Tarikh Rawatan : 10/11/19
 Penyakit Disyaki : ...
 Jenis Haiwan yang dirawat : ...
 Bilangan (ekor) : 1

Jenis Ubatan	Dos Rawatan (ml/biji/botol/bekas)	Harga (RM)
Vaksin		
Rabies	- Injeksi	15
Tahunan	- ...	5
Lain-lain :		
Rawatan :		
- Luka	- cleaning	20
	- ...	2
	- ...	2
	- A.c	10
Jumlah		54

Tandatangan pegawai / Cop : [Signature]
 Tarikh : 10/11/19

8.2.1 Penggunaan Kepingan Caj Rawatan diaplikasi di Klinik bagi Kes Rawatan Bersama Penggunaan Kad Rawatan Sedia Ada.

CPP NO : 004053

Kepingan Caj Rawatan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang

Nama Pelanggan : MOHD MAZUSYAN
 Tarikh Rawatan : 06/11/19
 Penyakit Disyaki : ...
 Jenis Haiwan yang dirawat : ...
 Bilangan (ekor) : 1

Jenis Ubatan	Dos Rawatan (ml/biji/botol/bekas)	Harga (RM)
Vaksin		
Rabies		
Tahunan		
Lain-lain :		
Rawatan :		
	Rawatan Fambing (Bergigit Suka)	Rm 10
Jumlah		Rm 10

Tandatangan pegawai / Cop : [Signature]
 Tarikh : 10/11/2019

8.2.2 Penggunaan Kepingan Caj Rawatan Digunakan Untuk Rawatan Lapangan.